

9. SURAT KUASA PENJAGAAN BERKEKALAN

Peguam Awam menyediakan khidmat nasihat melalui telefon (1300 858 455) yang memberikan maklumat mengenai surat kuasa penjagaan berkekalan. Maklumat yang direkodkan merangkumi jawapan kepada pelbagai soalan lazim mengenai surat kuasa penjagaan berkekalan dan tersedia ada 24 jam sehari. Untuk bercakap dengan anggota pegawai penasihat, hubungi perkhidmatan ini di antara jam 9.00 pagi dan 4.30 petang, Isnin hingga Jumaat.

DIMANA BOLEH SAYA DAPATKAN BORANG SURAT KUASA PENJAGAAN BERKEKALAN?

Borang Surat Kuasa Penjagaan Berkekalan terdapat di bahagian belakang buku panduan Surat Kuasa Penjagaan Berkekalan oleh Pejabat Peguam Awam dan Kit Maklumat Surat Kuasa Penjagaan Berkekalan.

Kedua-dua penerbitan ini mengandungi arahan langkah demi langkah cara mengisi borang dan boleh dimuat turun secara percuma daripada laman web Pejabat Peguam Awam.

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN SURAT KUASA PENJAGAAN BERKEKALAN?

Surat kuasa penjagaan berkekalan merupakan suatu kaedah perundangan yang membolehkan orang dewasa yang kompeten untuk melantik orang lain untuk membuat keputusan peribadi, gaya hidup dan rawatan bagi pihak beliau. Pihak yang memberikan kuasa dipanggil pihak pelantik (*appointor*). Pihak yang menerima kuasa pula dipanggil penjaga berkekalan atau pihak yang dilantik (*appointee*). Surat kuasa penjagaan berkekalan hanya mula berkuatkuasa sekiranya pihak pelantik hilang keupayaan untuk membuat keputusan yang sewajarnya bagi diri mereka.

MEMILIH PENJAGA BERKEKALAN

Anda boleh melantik sesiapa sahaja sebagai penjaga berkekalan anda, dengan syarat mereka berumur 18 tahun atau lebih dan mempunyai kapasiti undang-undang penuh.

Individu atau mereka yang anda memilih untuk bertindak sebagai penjaga atau pengganti penjaga berkekalan adalah terpulang kepada anda. Mereka mungkin terdiri daripada suami/isteri atau pasangan de facto anda, ahli keluarga yang lain atau pun rakan karib. Kuasa penjaga berkekalan anda akan mengatasi kuasa suami/isteri atau pasangan de facto anda, oleh itu jika anda mahu suami/isteri atau pasangan de facto anda untuk

Information Sheet

Protecting the human rights of adults with decision-making disabilities

membuat keputusan untuk anda, anda perlu melantik mereka sebagai penjaga berkekalan anda.

Adalah penting untuk mempertimbangkan dengan berhati-hati siapa yang anda pilih untuk menjadi penjaga atau penjaga-penjaga berkekalan anda kerana mereka akan mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk membuat keputusan bagi anda. Anda harus memastikan bahawa mereka boleh dipercayai dan cenderung untuk sentiasa bertindak demi kebaikan anda.

APAKAH YANG BOLEH SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA TIDAK DAPAT MENANDATANGANI SURAT KUASA PENJAGAAN BERKEKALAN?

Sekiranya pihak yang memberi kuasa tidak dapat menurunkan tandatangan beliau, kerana sebagai contoh:

- mereka memahami Bahasa Inggeris tetapi tidak dapat menulis
- mereka memahami Bahasa Inggeris tetapi tidak boleh membaca atau menulis
- mereka tidak memahami Bahasa Inggeris dan tidak dapat menulis

sebarang jenis petanda oleh pihak tersebut, termasuk huruf pertama pada nama, pangkah atau cetakan ibu jari adalah mencukupi, dengan syarat suatu fasal penjelasan yang sesuai diselitkan ke dalam surat kuasa penjagaan berkekalan tersebut. Fasal ini lazimnya dipanggil fasal penanda (*marksman*).

Sekiranya pihak yang memberikan kuasa tidak memahami Bahasa Inggeris maka borang tersebut harus dibaca kepada mereka oleh seorang jurubahasa yang diiktiraf untuk memastikan bahawa mereka memahami akan kuasa yang mereka sempurnakan. Suatu fasal pembacaan (*readover*) harus diselitkan ke dalam surat kuasa penjagaan berkekalan yang menyatakan bahawa borang tersebut telah pun di baca kepada pihak yang berkenaan dan mereka faham mengenai kuasa tersebut.

Pihak Peguam Awam mengesyorkan supaya bantuan guaman (dari peguamcara atau pusat undang-undang komuniti) diperolehi sekiranya fasal penanda atau pembacaan diperlukan.

SIAPAKAH YANG BOLEH MENYAKSIKAN SURAT KUASA PENJAGAAN BERKEKALAN?

Di Australia Barat, surat kuasa penjagaan berkekalan mestilah ditandatangani oleh pihak yang memberikan kuasa, dengan kehadiran dua saksi bebas. Salah satu daripada saksi mestilah seseorang yang diberikan kuasa untuk menyaksikan dokumen-dokumen di bawah *Akta 2005 Sumpah, Afidavit dan Akuan Berkanun*. Ini termasuk Jaksa Pendamai, pengamal perubatan, pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan Komanwel dan pegawai-

Information Sheet

Protecting the human rights of adults with decision-making disabilities

pegawai polis. Senarai penuh saksi-saksi yang sah disertakan dalam kedua-dua buku panduan dan kit surat kuasa penjagaan berkekalan. Walaupun dapat diterima penggunaan dua orang saksi daripada senarai ini, namun hanya seorang saksi sahaja diperlukan dari senarai ini. Keperluan minima undang-undang bagi saksi kedua adalah bahawa pihak tersebut mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan bukan mereka yang dilantik sebagai penjaga atau pengganti penjaga berkekalan.

PERLUKAH SAYA MENDAFTAR SURAT KUASA PENJAGAAN BERKEKALAN SAYA?

Tidak ada keperluan mendaftar surat kuasa penjagaan berkekalan kerana ia merupakan satu dokumen peribadi. Walau bagaimanapun, untuk memastikan bahawa keinginan anda dipatuhi, pihak Peguam Awam mengesyorkan agar anda mengemukakan salinan surat kuasa penjagaan berkekalan anda yang disahkan kepada penjaga berkekalan anda, doktor anda, mana-mana profesional kesihatan yang berkaitan dan ahli-ahli keluarga anda.

ADAKAH PIHAK PELANTIK HARUS MEMPUNYAI KAPASITI UNDANG-UNDANG?

Pelantik sesuatu surat kuasa penjagaan berkekalan mestilah berupaya membuat keputusan yang sewajarnya ketika melengkapkan surat kuasa penjagaan berkekalan. Jika terdapat sebarang keraguan dari segi keupayaan pembuatan keputusan oleh pihak yang membuat surat kuasa penjagaan berkekalan, pendapat bertulis seorang doktor atau profesional kesihatan yang bertauliah yang lain harus didapati.

BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MEMBATALKAN SURAT KUASA PENJAGAAN BERKEKALAN SAYA JIKA PERLU?

Dengan syarat anda masih mempunyai keupayaan undang-undang, anda boleh membatalkan surat kuasa penjagaan berkekalan pada bila-bila masa yang diingini. Jika anda tidak lagi mahu surat kuasa penjagaan berkekalan itu berkuatkuasa, anda perlu memaklumkan kepada penjaga berkekalan anda serta semua pihak dan agensi-agensi yang berkaitan, sebaik-baiknya secara bertulis. Anda harus meminta penjaga berkekalan anda dan semua pihak serta agensi yang berkenaan supaya memulangkan kepada anda salinan-salinan surat kuasa penjaga tersebut. Anda harus menyimpan satu salinan pembatalan bertulis anda bersama-sama dengan senarai semua pihak dan agensi-agensi yang telah anda sampaikan.

Seorang pelantik yang telah hilang keupayaan tidak boleh membatalkan sesuatu surat kuasa penjagaan berkekalan. Walau bagaimanapun, mereka boleh membuat permohonan ke Tribunal Pentadbiran Negeri untuk suatu perintah intervensi.

Information Sheet

Protecting the human rights of adults with decision-making disabilities

UNTUK MAKLUMAT LANJUTAN

Pejabat Peguam Awam

PO Box 6293, EAST PERTH WA 6892

Telefon: 1300 858 455

E-mel: opa@justice.wa.gov.au

Web: www.publicadvocate.wa.gov.au

Maklumat yang dibentangkan dalam lembaran maklumat ini disediakan secara sukarela sebagai perkhidmatan awam. Maklumat dan nasihat yang diberikan disediakan dengan niat yang baik tetapi diperuntukkan semata-mata atas dasar bahawa pembaca akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian mereka sendiri terhadap perkara yang dibincangkan di sini dan bahawa mereka hendaklah mengesahkan semua perwakilan, pernyataan dan maklumat yang berkaitan. Negeri Australia Barat ("negeri") mana-mana agensi atau perantaraan Negeri atau mana-mana pekerja atau ejen Negeri atau mana-mana agensi atau perantaraan Negeri tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku dan sama ada atau tidak disebabkan oleh kecuaiian yang timbul daripada penggunaan atau kebergantungan kepada apa-apa maklumat atau nasihat yang diberikan dalam Garis Panduan tersebut. 2019